SEKSYEN 6

Sektor Awam Disatukan

93 PERSPEKTIF KESELURUHAN

93 SEKTOR AWAM DISATUKAN

94 KERAJAAN AM

95 KERAJAAN NEGERI

96 SYARIKAT AWAM BUKAN KEWANGAN

97 KESIMPULAN

SEKSYEN 6

Sektor Awam Disatukan

Perspektif Keseluruhan

Seksyen ini memberikan gambaran keseluruhan kedudukan kewangan sektor awam disatukan (CPS) merangkumi Kerajaan Am dan Syarikat Awam Bukan Kewangan (SABK). Rangka kerja CPS melalui penerimagunaan Government Finance Statistics Manual (GFSM) 2014[1] menyediakan perspektif yang lebih luas mengenai landskap fiskal Malaysia. Pendekatan ini memastikan transaksi sektor awam termasuk pemberian antara kerajaan, peruntukan peringkat negeri dan pindahan dividen diasingkan sewajarnya sekali gus menggambarkan kedudukan fiskal sektor awam dan jumlah pelaburan modal secara menyeluruh.

Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan CPS merumuskan prestasi kewangan Kerajaan Am dan SABK yang mencerminkan kedudukan fiskal dan perbelanjaan modal sektor awam. Pada 2026, hasil CPS dianggarkan meningkat kepada RM375.2 bilion disokong oleh usaha berterusan melalui peluasan asas cukai oleh Kerajaan Persekutuan diikuti dengan peningkatan hasil berkaitan minyak oleh SABK. Selain itu, perbelanjaan mengurus (OE) dijangka bertambah disebabkan oleh subsidi bahan api yang lebih tinggi, menjadikan lebihan semasa menyederhana kepada RM49.6 bilion. Pada masa yang sama, perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka melonjak sebanyak

JADUAL 6.1. *Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan, 2025 – 2027*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2025	**2026[1]**	**2027[2]**	**2025**	**2026[1]**	**2027[2]**
Hasil	356,248	375,230	402,673	*4.8*	*5.3*	*7.3*
Perbelanjaan mengurus	384,286	419,127	434,325	*3.6*	*9.1*	*3.6*
Baki semasa	-28,038	-43,897	-31,652			
Baki semasa SABK	87,337	93,485	60,939			
Baki semasa sektor awam	**59,299**	**49,588**	**29,287**			
Perbelanjaan pembangunan	146,417	181,476	191,386	*-21.3*	*23.9*	*5.5*
Kerajaan am	87,461	89,423	91,200	*-2.5*	*2.2*	*2.0*
SABK	58,956	92,053	100,186	*-38.8*	*56.1*	*8.8*
Baki keseluruhan	**-87,118**	**-131,888**	**-162,099**			
% daripada KDNK	***-4.3***	***-6.0***	***-7.0***			

[1] Anggaran disemak

[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2027

Nota: Kedudukan kewangan sektor awam disatukan selepas penghapusan transaksi antara entiti sektor awam termasuk geran, peruntukan kepada kerajaan negeri dan pindahan dividen

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

[1] Merujuk kepada rangka kerja IMF dalam GFSM 2014.

23.9% kepada RM181.5 bilion didorong oleh peningkatan perbelanjaan modal SABK untuk membiayai inisiatif utama dalam sektor tenaga, perkhidmatan utiliti, rangkaian digital dan infrastruktur pengangkutan awam. Defisit CPS dianggar sebanyak RM131.9 bilion atau 6.0% daripada KDNK selepas transaksi sektor awam diasingkan.

Kerajaan Am

Kedudukan kewangan kerajaan am disatukan merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun persekutuan. Kedudukan kewangan ini mengukur aktiviti dan fungsi ekonomi yang dijalankan secara kolektif, termasuk penyediaan barangan dan perkhidmatan awam serta pengagihan semula pendapatan dan kekayaan. Pada 2026, hasil kerajaan am disatukan dijangka meningkat kepada RM436.1 bilion terutamanya disokong oleh kutipan cukai Kerajaan Persekutuan yang lebih kukuh susulan penambahbaikan dasar dan langkah pentadbiran cukai.

Sementara itu, OE disatukan dijangka meningkat sebanyak 9.1% kepada RM419.6 bilion pada 2026 berikutan subsidi bahan api yang lebih tinggi sekali gus menjadikan lebihan semasa kerajaan am dianggar berjumlah RM16.5 bilion. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan (DE) yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun persekutuan dijangka meningkatkan DE disatukan sebanyak 1.3% kepada RM90.6 bilion. Defisit keseluruhan kerajaan am disatukan dijangka berjumlah RM74.1 bilion atau 3.4% daripada KDNK pada 2026 selepas semua pindahan dan pinjaman bersih diasingkan.

Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kekal sebagai sumber pembiayaan utama bagi kerajaan am. Merujuk kepada Artikel 111 Perlembagaan Persekutuan, kerajaan negeri hanya boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan manakala Artikel 112B membenarkan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak memperoleh dana mengikut undang-undang negeri tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM). Sementara itu, Seksyen 41 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan diberikan kuasa meminjam untuk tujuan pembangunan tertakluk kepada kelulusan dan syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri bagi memastikan penyelarasan pengurusan fiskal peringkat negeri.

JADUAL 6.2. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan, 2025 – 2027*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2025	**2026[1]**	**2027[2]**	**2025**	**2026[1]**	**2027[2]**
Hasil	413,869	436,120	452,223	*3.0*	*5.4*	*3.7*
Perbelanjaan mengurus	384,717	419,636	434,778	*3.6*	*9.1*	*3.6*
Baki semasa	**29,152**	**16,484**	**17,445**			
Perbelanjaan pembangunan	89,457	90,594	92,737	*-2.3*	*1.3*	*2.4*
Baki keseluruhan	**-60,305**	**-74,110**	**-75,292**			
% daripada KDNK	***-3.0***	***-3.4***	***-3.2***			

[1] Anggaran disemak

[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2027

Nota: Kedudukan kewangan sektor awam disatukan selepas penghapusan transaksi antara entiti sektor awam termasuk geran, peruntukan kepada kerajaan negeri dan pindahan dividen

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Selain itu, badan berkanun persekutuan boleh mendapatkan pembiayaan dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Rangka kerja kelulusan pinjaman secara berpusat membolehkan Kerajaan mengekalkan pengawasan berkesan terhadap aktiviti pinjaman sektor awam di samping memastikan pendedahan risiko kredit kerajaan am kekal terkawal pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan diunjur kekal kukuh pada 2026 disokong oleh lebihan akaun semasa berterusan meskipun perbelanjaan meningkat. Hasil disatukan dijangka berkurang sebanyak 2.2% kepada RM39 bilion dengan hasil yang dijana oleh kerajaan negeri mencatat RM28.1 bilion atau sekitar 72.2% daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, pindahan dan geran Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat sebanyak 8% kepada RM10.8 bilion. Komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan sokongan mencukupi menunjukkan kepentingan pindahan fiskal antara kerajaan bagi mengekalkan keupayaan kewangan kerajaan negeri khususnya dalam menghadapi turun naik hasil janaan negeri.

Dari segi keupayaan penjanaan hasil, Sarawak, Sabah, Selangor, Perak dan Johor secara kolektif menyumbang 80% daripada hasil janaan negeri disatukan menggambarkan saiz relatif ekonomi dan ketersediaan sumber semula jadi negeri. Hasil cukai dianggar meningkat secara marginal sebanyak 0.7% kepada RM12.9 bilion atau 33.2% daripada jumlah hasil. Prestasi ini didorong oleh cukai langsung yang dijangka meningkat sebanyak 3.9% kepada RM9.3 bilion yang sebahagian besar terdiri daripada cukai berasaskan tanah. Sementara itu, hasil cukai tidak langsung dijangka menyederhana sebanyak 6.7% kepada RM3.6 bilion terutamanya disokong oleh kutipan cukai jualan Sabah dan Sarawak.

Hasil bukan cukai khususnya daripada pendapatan pelaburan dan premium tanah dijangka berkurang sebanyak 1.5% kepada RM15 bilion.

Dari aspek perbelanjaan, OE disatukan dijangka meningkat sebanyak 10.5% kepada RM20.7 bilion. Peningkatan ini mencerminkan keperluan perbelanjaan yang lebih tinggi terutamanya emolumen, berikutan pelaksanaan fasa kedua pelarasan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) serta peruntukan untuk perkhidmatan dan bekalan. Lebihan semasa disatukan dijangka berkurang kepada RM18.3 bilion susulan peningkatan OE yang lebih tinggi berbanding hasil. Pada masa yang sama, DE bersih negeri disatukan juga dijangka kekal tinggi dengan peningkatan sebanyak 4.7% kepada RM15.9 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh perbelanjaan berterusan

JADUAL 6.3. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan, 2025 – 2026*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2025	2026[1]	2025	2026[1]
Hasil	39,901	39,010	*-3.0*	*-2.2*
Perbelanjaan mengurus	18,726	20,698	*15.2*	*10.5*
Baki semasa	**21,175**	**18,312**		
Perbelanjaan pembangunan kasar	15,456	16,122	*10.0*	*4.3*
Kumpulan Wang Pembangunan	15,211	16,031	*10.2*	*5.4*
Kumpulan Wang Bekalan Air	245	91	*-1.1*	*-62.8*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	254	201	*-10.8*	*-20.9*
Perbelanjaan pembangunan bersih	15,202	15,921	*10.5*	*4.7*
Baki keseluruhan	**5,973**	**2,391**		
% daripada KDNK	***0.3***	***0.1***		

[1] Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan kerajaan negeri

bagi pembangunan infrastruktur utama dan kemudahan awam yang sedang dilaksanakan termasuk menaik taraf jalan raya dan jambatan; rawatan dan pengagihan air; projek saliran dan tebatan banjir; serta infrastruktur bagi sektor pertanian, perindustrian dan kemudahan masyarakat. Peningkatan OE dan DE secara serentak menunjukkan kerajaan negeri terus mengimbangi antara penyediaan perkhidmatan awam asas dengan pelaburan pembangunan infrastruktur. Justeru, lebihan keseluruhan kerajaan negeri disatukan dijangka berkurang kepada 0.1% daripada KDNK pada 2026 berbanding 0.3% pada 2025. Prestasi ini menunjukkan pertumbuhan OE dan DE yang lebih pantas berbanding pertumbuhan hasil.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Unit SABK kekal sebagai entiti utama CPS yang menyumbang kepada pembangunan negara dan pelaksanaan sosioekonomi yang lebih luas. Walaupun berdepan ketidaktentuan geopolitik berpanjangan, namun kedudukan kewangan SABK pada 2026 dijangka kekal berdaya tahan didorong oleh prestasi hasil yang kukuh dan pelaburan berterusan dalam sektor strategik. Hasil SABK disatukan pada 2026 dianggar meningkat sebanyak 8.2% kepada RM475.8 bilion disokong oleh pencapaian kukuh sektor tenaga berikutan kenaikan harga minyak global. Selain itu, hasil daripada sektor utiliti dipacu oleh permintaan elektrik yang tinggi berikutan kepesatan pembangunan pusat data berskala besar. Sementara itu, OE diunjur meningkat sebanyak 8.2% kepada RM440.9 bilion berikutan keperluan operasi yang lebih tinggi susulan pengembangan aktiviti perniagaan dan perubahan struktur kos. Walau bagaimanapun, pertumbuhan hasil dijangka lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi peningkatan OE sekali gus meningkatkan lebihan semasa kepada RM34.9 bilion. Lebihan berterusan ini akan meningkatkan keupayaan pembiayaan dalaman SABK bagi menyokong pelaburan strategik di samping mengekalkan kemampanan kewangan.

Perbelanjaan modal diunjur meningkat ketara kepada RM92.1 bilion yang menunjukkan pelaburan berterusan dalam infrastruktur merentas sektor tenaga, utiliti, telekomunikasi dan pengangkutan awam. Bagi sektor tenaga dan utiliti, penggunaan modal kekal tertumpu kepada usaha memperkukuh jaminan bekalan tenaga dan mempercepat peralihan ke arah sumber tenaga lebih bersih termasuk peluasan infrastruktur gas dan aktiviti huluan; keupayaan pemerangkapan dan penyimpanan karbon; kapasiti tenaga boleh baharu; serta penjanaan elektrik dan infrastruktur grid. Pelaburan tersebut menyokong keutamaan pembangunan Kerajaan yang lebih luas dan meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi. Sehubungan dengan itu, defisit keseluruhan SABK dijangka meningkat kepada RM57.2 bilion pada 2026 mencerminkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi berikutan pelaburan strategik semasa.

Pada akhir 2025, kedudukan kewangan SABK kekal kukuh dengan aset berjumlah RM1,525.2 bilion dan liabiliti sebanyak RM694.9 bilion seterusnya menghasilkan nilai bersih mencecah RM830.3 bilion. Asas aset yang besar menyediakan keupayaan mencukupi

JADUAL 6.4. *Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan Disatukan, 2025 – 2026*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2025	2026[1]	2025	2026[1]
Hasil	439,677	475,824	*-8.3*	*8.2*
Perbelanjaan semasa	407,534	440,922	*-9.3*	*8.2*
Baki semasa	**32,143**	**34,902**		
Perbelanjaan modal	58,956	92,053	*-38.8*	*56.1*
Baki keseluruhan	**-26,813**	**-57,151**		
% daripada KDNK	***-1.3***	***-2.6***		

[1] Anggaran

Nota: Merujuk kepada 31 SABK utama

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan syarikat awam bukan kewangan

bagi menyokong pelaburan berterusan dan memenuhi keperluan pembiayaan. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan terhadap prestasi SABK kekal penting bagi memastikan pelaburan strategik dilaksanakan mengikut keupayaan kewangan serta mengurangkan pendedahan risiko fiskal.

RAJAH 6.1. *Aset dan Liabiliti Syarikat Awam Bukan Kewangan*



Nota: Akhir 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan syarikat awam bukan kewangan

Kesimpulan

Kedudukan kewangan CPS secara keseluruhan kekal kukuh dan diurus dengan baik disokong oleh pembaharuan berterusan dalam kewangan awam dan pengurusan fiskal yang berdisiplin pada semua peringkat kerajaan. Kerajaan Persekutuan terus meningkatkan ketelusan fiskal di samping memperkukuh peranan tadbir urus dan pengawasan merentas entiti sektor awam melalui penginstitusian Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] dan cadangan penggubalan undang-undang berkaitan entiti milik kerajaan. Setiap peringkat kerajaan bertanggungjawab menyumbang kepada pembangunan negara melalui pelaburan strategik dalam infrastruktur kritikal dan program sosial untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Justeru, pelaksanaan mandat yang seimbang dengan pengurusan kewangan awam berhemah akan memberikan asas kukuh demi kemakmuran negara dan manfaat kepada generasi akan datang.